



# PACIFIC & ORIENT INSURANCE CO. BERHAD

Registration No. 197201000959 (12557-W)

A Member Of The Pacific & Orient Group

Website: www.poi2u.com

Head Office: 11th Floor Wisma Bumi Raya, No. 10, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur  
NO CBP: W10-1808-31021805

## PERLINDUNGAN KEKURANGAN KREDIT - MOTOSIKAL

### NOTA PENERANGAN

#### Cara membaca dokumen ini

Sila ambil perhatian bahawa Perlindungan Kekurangan Kredit – **Polisi** Motosikal hanya bermula dari halaman 2 dan seterusnya. Bagi membantu **Anda** membaca dan memahami **Polisi Anda** dengan lebih mudah **Kami** menyediakan beberapa nota penerangan bersama-sama dengan ulasan dan contoh (ditulis dalam huruf condong). Nota penerangan ini tidak dianggap sebagai sebahagian daripada **Polisi Anda** dan tidak boleh digunakan bagi mentafsir kontrak insurans **Anda** jika berlaku apa-apa pertikaian.

Sila rujuk definisi pada halaman 8 untuk istilah berkaitan insurans.

#### Apakah yang dikira sebagai kontrak insurans **Anda**?

Kontrak insurans **Anda** dengan **Kami** merangkumi seperti berikut:

- **Polisi** insurans pada halaman 2 hingga 7 (kecuali teks dalam huruf condong);
- Apa-apa maklumat yang **Anda** telah maklumkan kepada **Kami** semasa memohon insurans ini;
- Jadual; dan
- Dasar **Polisi**.

Kesemuanya hendaklah dibaca bersekali kerana ia membentuk kontrak insurans **Anda**.

#### Bila perlindungan **Anda** berkuat kuasa?

*Insurans ini mula berkuat kuasa dari waktu **Anda** membeli perlindungan atau pada waktu berkuat kuasa yang dipersetujui, sehingga tarikh tamat. Tempoh Insurans akan dicetak di dalam Jadual Polisi dan dokumen berkaitan. Jika terdapat sebarang perubahan bagi tarikh-tarikh tersebut, ia akan ditunjukkan dalam Endorsemen yang dikeluarkan oleh **Kami**.*

## KEWAJIPAN PENDEDAHAN

### 1. Kontrak Insurans Pengguna

Jika insurans yang **Anda** pohon ini tidak berkaitan sama sekali dengan perdagangan, perniagaan atau profesion **Anda**, **Anda** bertanggungjawab mengambil langkah yang munasabah untuk tidak membuat salah nyataan semasa menjawab apa-apa soalan dalam Borang Cadangan (atau semasa **Anda** membuat permohonan insurans ini) iaitu, **Anda** sepatutnya menjawab semua soalan dengan tepat dan sepenuhnya. Kegagalan mengambil langkah yang munasabah boleh menyebabkan **Kami** mengelak kontrak insurans, menolak atau mengurangkan tuntutan **Anda**, menukar terma atau menamatkan kontrak insurans anda mengikut remedi-remedi yang diperuntukan di bawah Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. **Anda** juga dikehendaki mendedahkan lain-lain perkara yang **Anda** tahu sebagai berkaitan kepada keputusan **Kami** sama ada untuk menerima atau tidak risiko dan kadar dan terma yang hendak dipakai.

**Anda** juga bertanggungjawab memberitahu **Kami** serta merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans **Anda** berkuat kuasa, semasa memohon dengan **Kami** untuk membuat perubahan atau memperbaharui, apa-apa maklumat yang diberi di dalam Borang Cadangan (atau semasa **Anda** membuat permohonan insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.



## 2. Kontrak Insurans Komersial

Jika insurans yang **Anda** pilih ini berkaitan sepenuhnya dengan perdagangan, perniagaan atau profesion **Anda**, **Anda** bertanggungjawab mendedahkan apa-apa perkara yang **Anda** tahu sebagai berkaitan kepada keputusan kami sama ada untuk menerima atau tidak risiko dan kadar dan terma yang hendak dipakai, serta apa-apa perkara seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangkakan tahu sebagai berkaitan, kegagalan membuat demikian boleh menyebabkan **Kami** mengelak kontrak insurans, menolak atau mengurangkan tuntutan **Anda**, menukar terma atau menamatkan kontrak insurans **Anda**.

**Anda** juga bertanggungjawab memberitahu **Kami** serta merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans **Anda** berkuat kuasa, semasa memohon dengan **Kami** untuk membuat perubahan atau memperbaharui, apa-apa maklumat yang diberi di dalam Borang Cadangan (atau semasa **Anda** membuat permohonan insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

Berikut adalah contoh-contoh tindakan yang boleh kami ambil terhadap **Anda** jika **Anda** memberi pernyataan salah tentang mana-mana fakta kepada **Kami** sebelum **Polisi** berkuat kuasa:

- isytiharkan **Polisi Anda** sebagai terbatas dari mula lagi (iaitu **Polisi** tidak sah), dan **Kami** boleh tidak memulangkan apa-apa premium;
- Batalkan **Polisi** tersebut dan pulangkan premium setelah ditolak caj pembatalan atau menuntut premium yang belum dibayar;
- tuntut semula apa-apa kekurangan premium yang tidak dikenakan;
- tolak mana-mana tuntutan yang telah atau akan dikemukakan dibawah **Polisi**; atau
- berhak menuntut kembali dari jumlah mana-mana tuntutan yang telah dibayar di bawah **Polisi** atau mana-mana tuntutan yang terpaksa **Kami** bayar kerana undang-undang jalaraya termasuk kos membuat tuntutan.

## PERJANJIAN ANTARA KITA

Sebagai balasan bayaran premium oleh **Anda**, **Kami** hendaklah, tertakluk kepada terma, syarat, had, pengecualian dan apa-apa pengendorsan **Polisi** ini, menyediakan insurans yang dinyatakan di dalam **Polisi** ini. Cadangan yang diserahkan kepada **Kami** akan dijadikan asas kepada **Polisi** ini. Adalah menjadi tanggungjawab **Anda** untuk mendedahkan semua fakta material. Kegagalan untuk mendedahkan maklumat ini boleh menyebabkan **Kami** menolak **Polisi** ini.

**Polisi** ini dikeluarkan sebagai balasan bayaran premium yang dipersetujui dan berdasarkan maklumat yang diberikan dalam Jadual **Polisi**. **Kami** telah diberikan kuasa untuk membayar jumlah yang terhutang kepada pembiaya **Anda** berikutan penyelesaian Kerugian Keseluruhan oleh **Polisi** motor asas **Anda** dengan **Kami**, tertakluk kepada terma dan syarat yang terkandung di dalam **Polisi** ini.

**Polisi** ini hendaklah dikuatkuasakan pada Tarikh Permulaan **Polisi** seperti yang dinyatakan dalam Jadual **Polisi** dan akan terus berkuatkuasa sehingga penamatan atau pembatalan mengikut terma dan syarat yang terkandung di dalam **Polisi** ini.

**Polisi** ini mencerminkan terma dan syarat kontrak insurans yang dipersetujui di antara **Anda** dan **Kami**.

## PERLINDUNGAN KEKURANGAN KREDIT

Seksyen ini menjelaskan apa yang **Kami** lindungi di bawah **Polisi** kekurangan kredit **Anda**.

**Kami** menampung perbezaan antara Jumlah Diinsuranskan atau nilai pasaran (yang mana lebih tinggi) dengan motosikal **Anda** yang diinsuranskan kepada **Kami** dan nilai penyelesaian tertunggak dari segi perjanjian kredit yang **Anda** tandatangani.

**Kami** akan membayar perbezaan ini hanya sekiranya **Kami** menerima tuntutan motosikal **Anda** dalam keadaan berikut:

- pada pendapat **Kami** ia tidak berhemat untuk dibaiki berikutan kerugian atau kerosakan; atau
- kecurian dan tidak ditemui.



Tuntutan tidak akan dibayar jika Nilai Diinsuranskan atau nilai pasaran (yang mana lebih tinggi) **Polisi** kenderaan asas berkenaan melebihi nilai penyelesaian tertunggak dalam syarat-syarat perjanjian kredit.

Perjanjian Kredit yang **Anda** tandatangani mestilah termasuk di bawah definisi perjanjian kredit yang ada dalam Akta Sewa Beli 1967.

Pampasan **Kami** adalah terhad kepada apa-apa amaun yang masih tertunggak pada perjanjian kredit **Anda** ditolak dengan apa-apa ansuran atau sewa yang belum dibayar, termasuk faedah yang perlu dibayar atas tunggakan.

## PERLINDUNGAN DEPOSIT

Sekiranya berlaku tuntutan yang ditakrifkan di bawah kekurangan kredit seperti di atas, **Kami** akan membayar pampasan kepada **Anda** untuk deposit yang dibayar ke atas motosikal yang diinsuranskan. Pampasan **Kami** adalah terhad kepada 10% daripada amaun yang diinsuranskan ke atas motosikal pada permulaan polisi, dengan maksimum sebanyak RM2,500.

Untuk terma dan syarat sila rujuk item No. 2 berkenaan Perlindungan yang disediakan oleh **Polisi** ini di bawah.

## PENGECUALIAN

Semua pengecualian **Polisi** asas adalah terpakai bagi **Polisi** ini, Jika **Kami** menyatakan bahawa tuntutan tidak dilindungi disebabkan mana-mana pengecualian ini, **Anda** mesti membuktikan sebaliknya.

## TERMA DAN SYARAT

Seksyen ini menjelaskan terma dan syarat yang mesti **Anda** patuhi bagi memastikan insurans ini terus berkuatkuasa. Pada dasarnya syarat-syarat ini ada tiga jenis:

- Apa yang Anda mesti lakukan
- Apa yang tidak boleh Anda lakukan
- Apa yang Kami boleh lakukan

### Syarat Terdahulu terhadap Liabiliti Polisi

Syarat-syarat berikut ialah syarat terdahulu kepada liabiliti **Kami** untuk melindungi **Anda** di bawah **Polisi** ini dan perlu dipatuhi oleh **Anda** dengan betul. **Kami** boleh menolak **Polisi** ini dan / atau tidak akan membayar tuntutan di bawah **Polisi** jika **Anda** melanggar mana-mana syarat berkaitan.

Perlindungan di bawah **Polisi** ini tertakluk kepada Terma dan Syarat berikut:

#### 1. Dasar Polisi ini

**Polisi** ini, Jadual, surat-menyerat **Kami** kepada **Anda**, permohonan **Anda** untuk insurans dan sebarang pertanyaan, secara bertulis atau lisan, yang dilakukan oleh **Anda**, atau bagi pihak **Anda**, membentuk kontrak antara **Kami** dan **Anda**.

#### 2. Perlindungan yang disediakan oleh polisi ini

**Kami** menampung perbezaan antara Jumlah Diinsuranskan atau nilai pasaran (yang mana lebih tinggi) dengan motosikal **Anda** yang diinsuranskan kepada **Kami** dan nilai penyelesaian tertunggak dari segi perjanjian kredit yang **Anda** tandatangani.



**Kami** akan membayar perbezaan ini hanya sekiranya **Kami** menerima tuntutan motosikal **Anda** dalam keadaan berikut:

- pada pendapat **Kami** ia tidak berhemat untuk dibaiki berikutan kerugian atau kerosakan; atau
- kecurian dan tidak ditemui.

Tuntutan tidak akan dibayar jika Nilai Diinsuranskan atau nilai pasaran (yang mana lebih tinggi) **Polisi** kenderaan asas berkenaan melebihi nilai penyelesaian tertunggak dalam syarat-syarat perjanjian kredit.

Perlindungan di bawah **Polisi** ini adalah tertakluk kepada **Polisi** motor asas yang sah dan berkuatkuasa dengan **Kami** pada masa kejadian. **Anda** mesti mematuhi semua syarat **Polisi** kenderaan asas.

Semua terma dan syarat di bawah **Polisi** motor asas adalah terpakai kepada **Polisi** kekurangan kredit ini.

### 3. Kelas Penggunaan

#### Persendirian

Jika penggunaan kenderaan **Anda** ditunjukkan dalam Jadual sebagai "Persendirian", ia boleh digunakan untuk tujuan sosial dan domestik dan kesenangan. Kenderaan **Anda** juga boleh digunakan untuk profesion dan perjalanan di antara kediaman **Anda** dan premis tetap perniagaan. Ia juga boleh digunakan untuk tujuan perniagaan, perdagangan atau pekerjaan, tetapi hanya dalam keadaan tertentu. Jika **Anda** menggunakan kenderaan **Anda** untuk perniagaan, perdagangan atau pekerjaan secara tetap, sebagai contoh, **Anda** menggunakan kenderaan bagi tujuan perniagaan sebanyak sekali atau dua kali seminggu, ia tidak akan dilindungi di bawah penggunaan kelas Persendirian.

### 4. Faedah daripada Syarikat Sewa Beli

Jika tuntutan yang sah berlaku dan kenderaan **Anda** adalah subjek perjanjian kredit sebagaimana ditakrifkan dalam Akta Sewa Beli 1967, **Kami** akan membayar Syarikat Sewa Beli amaun baki pinjaman **Anda** itu.

**Polisi** asas akan membayar perbezaan kepada **Anda** jika amaun baki pinjaman adalah kurang daripada jumlah yang diinsuranskan untuk kenderaan **Anda** seperti ditunjukkan dalam Jadual **Polisi** asas.

**Polisi** kekurangan kredit tidak akan membuat pembayaran di mana amaun baki pinjaman adalah kurang daripada jumlah yang diinsuranskan dalam Jadual **Polisi** asas.

### 5. Tempoh Polisi

Tempoh **Polisi** adalah tempoh dari tarikh permulaan **Polisi** ini, seperti ditunjukkan dalam Jadual, sehingga tarikh tamat yang ditunjukkan dalam Jadual. Selepas tempoh **Polisi** ini, semua perlindungan di bawah **Polisi** ini akan tamat.

### 6. Pembayaran premium

**Anda** mesti membayar premium **Anda** pada atau sebelum tarikh permulaan **Polisi** ini.

### 7. Kewajipan berjaga-jaga

**Anda** mesti mengambil semua langkah mencegah dan perhatian yang munasabah untuk mencegah atau meminimumkan kerugian atau kerosakan.

## 8. Pembatalan

- 8.1 Jika **Anda** tidak berpuas hati dengan perlindungan yang disediakan dalam **Polisi** ini, sila maklumkan kepada **Kami** permintaan pembatalan **Anda** secara bertulis dalam tempoh tujuh (7) hari dari Tarikh Permulaan **Polisi**. **Kami** akan membayar balik premium, dengan syarat tiada tuntutan telah dibayar.
- 8.2 **Anda** boleh membatalkan **Polisi** ini pada bila-bila masa. Bayaran balik akan dibuat atas permintaan dengan syarat tiada tuntutan telah dibayar. Jadual di bawah menggariskan jadual bayaran balik:

Tempoh Insurans	Bayaran Balik Premium
Tidak melebihi 1 minggu	87.5% daripada jumlah premium
Tidak melebihi 1 bulan	75.0% daripada jumlah premium
Tidak melebihi 2 bulan	62.5% daripada jumlah premium
Tidak melebihi 3 bulan	50.0% daripada jumlah premium
Tidak melebihi 4 bulan	37.5% daripada jumlah premium
Tidak melebihi 6 bulan	25.0% daripada jumlah premium
Tidak melebihi 8 bulan	12.5% daripada jumlah premium
Melebihi 8 bulan	bayaran balik premium tidak dibenarkan

- 8.3 **Kami** juga boleh membatalkan **Polisi** ini dengan memberi **Anda** notis empat belas (14) hari secara bertulis melalui surat berdaftar kepada alamat **Anda** seperti yang dinyatakan di dalam Jadual. **Anda** layak mendapat bayaran balik premium bagi tempoh yang belum tamat dikira secara pro rata dari tarikh **Kami** menerima Jadual **Polisi** daripada **Anda** hingga ke tarikh luput **Polisi**. Tidak ada bayaran balik premium jika sesuatu tuntutan telah dibuat terhadap **Polisi** ini.

## 9. Penamatan

- 9.1 Insurans yang disediakan di bawah ini akan tamat secara automatik apabila berlaku salah satu perkara berikut :-
- a) Tarikh luput semulajadi **Polisi**;
  - b) Bayaran tuntutan di bawah **Polisi** ini;
- 9.2 **Polisi** secara automatik akan luput apabila **Anda** menjual atau melupuskan kenderaan **Anda** kerana kepentingan insurans **Anda** terhadap kenderaan itu akan berhenti.
- 9.3 Tarikh **Polisi** **Anda** dibatalkan.

## 10. Hak-hak Anda

- 10.1 **Anda** tidak boleh menyerah dan membahagikan hak atau obligasi **Anda** kepada orang lain. Tiada orang lain boleh membuat tuntutan terhadap **Kami**.
- 10.2 **Anda** tidak boleh memindahkan perlindungan di bawah **Polisi** ini dari satu kenderaan kepada yang lain.

## 11. Syarat Tuntutan

### 11.1 Asas penyelesaian tuntutan

**Kami** akan membayar pampasan kepada **Anda** dengan membayar secara tunai. Sebelum **Kami** memuktamadkan atau menyelesaikan sebarang tuntutan, **Kami** mungkin memerlukan **Anda** untuk menandatangi baucar pelepasan.

### 11.2 Prosedur tuntutan

Jika kereta **Anda** terlibat dalam sebarang kejadian yang memungkinkan tuntutan dibuat terhadap Polisi ini, **Anda** mesti melakukan perkara berikut:

- a) Laporkan kepada jabatan tuntutan **Kami** tentang kejadian itu dan dapatkan Borang Tuntutan. **Anda** mesti melaporkan kejadian tersebut kepada **Kami** dengan secepat mungkin, namun apa pun mestilah:
  - Dalam tempoh tujuh (7) hari jika **Anda** tidak hilang upaya dari segi fizikal atau tidak dimasukkan ke hospital akibat kejadian itu;
  - atau
  - Dalam tempoh tiga puluh (30) hari atau secepat yang boleh dilakukan jika **Anda** hilang upaya dan dimasukkan ke hospital akibat kejadian itu.

**Kami** boleh membenarkan tempoh pemberitahuan yang lebih lama jika **Anda** dapat memberikan bukti khusus serta justifikasi bagi kelewatan tersebut.

- b) Laporkan kejadian kepada polis seperti yang dikehendaki undang-undang dan lakukan segala yang diperlukan bagi membantu pihak polis memastikan pihak bersalah dijatuhi hukuman.
- c) Lengkapkan Borang Tuntutan sepenuhnya dan kembalikannya kepada **Kami** dalam masa dua puluh satu (21) hari dari tarikh pemberitahuan **Anda** seperti perenggan (a) di atas. **Anda** dikehendaki memberi jawapan terperinci terhadap semua soalan pada bahagian berkenaan dan **Anda** juga mesti kemukakan segala dokumen yang **Kami** perlukan bagi menyokong tuntutan **Anda**. **Kami** tidak bertanggungjawab jika **Anda** lewat menyerahkan Borang Tuntutan yang siap dilengkapkan bersama-sama kesemua dokumen yang diperlukan.

**Kami** mungkin membenarkan tempoh penyerahan tuntutan yang lebih panjang tertakluk kepada bukti khusus dan justifikasi yang **Anda** berikan.

### 11.3 Hak **Kami** selepas kejadian yang boleh membawa kepada tuntutan

- a) **Anda** mesti membekalkan semua maklumat dan bantuan yang **Kami** perlukan dan **Kami** mungkin mengambil alih pembelaan atau penyelesaian tuntutan dan menjalankannya atas nama **Anda**.

### 11.4 Penipuan atau tindakan disengajakan

**Anda** akan kehilangan hak untuk membuat tuntutan di bawah **Polisi** ini jika:

- a) tuntutan adalah penipuan atau jika **Anda** atau seseiapa yang bertindak bagi pihak **Anda** menggunakan sebarang penipuan untuk mendapatkan apa-apa faedah di bawah **Polisi** ini; atau
- b) tuntutan berlaku disebabkan tindakan secara sengaja, atau disengajakan, atau tersengaja dilakukan oleh **Anda** dengan penglibatan **Anda** atau seseiapa yang bertindak bagi pihak **Anda**; atau
- c) maklumat atau dokumen yang menyokong tuntutan, sama ada diwujudkan oleh **Anda** atau pihak **Anda**, adalah tidak benar, tidak lengkap atau palsu.

### 11.5 Menyelesaikan Pertikaian

Jika berlaku perselisihan atau pertikaian tentang sebarang perkara yang berkaitan dengan **Polisi** ini yang melibatkan amaun melebihi RM250,000, **Anda** dan **Kami** akan bersama melantik seorang Penimbang Tara secara bertulis untuk menyelesaikan perselisihan atau pertikaian ini. Jika **Anda** dan **Kami** tidak boleh bersetuju tentang siapakah yang akan menjadi Penimbang Tara dalam masa sebulan seperti yang dikehendaki, maka **Anda** dan **Kami** boleh masing-masing melantik seorang Penimbang Tara. Kedua-dua Penimbang Tara tersebut akan kemudian mendengar perselisihan dan pertikaian bersama dengan seorang Pengadil yang mereka lantik. Jika Penimbang Tara tidak bersetuju dalam pemilihan Pengadil dalam masa tiga puluh (30) hari, maka seorang Pengadil akan

11.6 Bayaran balik premium

Jika jumlah yang dipertikaikan adalah kurang daripada RM250,000, **Anda** boleh rujuk perkara ini kepada Ombudsman Perkhidmatan Kewangan untuk diselesaikan.

11.7 Notis tuntutan

a) Notis Tuntutan atau keadaan hendaklah dibuat secara bertulis dan dihantar melalui pos, e-mel atau faks ke Pacific & Orient Insurance Co. Berhad, Wisma Bumi Raya, No. 10, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur. No. Tel 03-2698 5033 and No. Faks 03-2693 8145.

b) Notis hendaklah mengandungi butiran penuh semua fakta material yang **Anda** ketahui, termasuk:

(i) tarikh, masa dan tempat Tuntutan atau keadaan;

(ii) penerangan terperinci tentang apa yang berlaku;

(iii) nama dan alamat pihak yang cedera;

(iv) nama dan alamat semua saksi; dan

(v) salinan apa-apa tuntutan, notis atau kertas undang-undang yang diterima berkaitan dengan Tuntutan atau keadaan.

## 12. Insurans Lain

Jika sesuatu tuntutan perlu dibayar di bawah **Polisi** ini dan **Polisi** yang lain, **Kami** akan hanya membayar bahagian **Kami** mengikut kadar tuntutan.

## 13. Maklumat yang memberi kesan kepada risiko

**Kami** boleh mengisyiharkan **Polisi** ini tidak sah jika **Anda**:

- tidak memberikan semua maklumat kepada **Kami** yang memberi kesan kepada risiko; atau
- memberi gambaran salah atau mengelirukan apa-apa maklumat yang memberi kesan kepada risiko.

**Anda** mesti memberitahu **Kami** dengan serta merta tentang sebarang perubahan dalam risiko. Sekiranya terdapat sebarang perubahan material dalam risiko, maka **Kami** boleh meminda perlindungan dan premium dari tarikh perubahan itu. Jika **Anda** tidak memaklumkan kepada **Kami** tentang sebarang perubahan material dalam risiko, **Kami** berhak untuk mengelak **Polisi** atau menolak sebarang tuntutan yang berlaku selepas perubahan dalam risiko. Dalam hal ini, istilah "**Anda**" termasuklah mana-mana orang yang bertindak bagi **Anda**.

## 14. Bidang kuasa

**Polisi** ini tertakluk kepada bidang kuasa mahkamah Malaysia. Undang-undang Malaysia akan digunakan.

## 15. Seseorang yang berurusan bagi pihak Anda

**Anda** melepaskan hak **Anda** untuk menerima pampasan jika seseorang yang berurusan bagi pihak **Anda** tidak mematuhi terma dan syarat **Polisi** ini untuk kejadian atau tuntutan.

## 16. Pindaan bagi mematuhi undang-undang

**Anda** dan **Kami** bersetuju bahawa sebarang terma atau syarat **Polisi** ini yang bertentangan dengan mana-mana undang-undang akan dipinda bagi mematuhi undang-undang tersebut.

## 17. Rujukan kepada bentuk tunggal dan jamak

Dalam **Polisi** ini, rujukan kepada bentuk tunggal adalah termasuk dalam bentuk jamak dan begitu juga rujukan kepada bentuk jamak termasuk dalam bentuk tunggal.

## 18. Perkataan Lazim Polisi

Bagi mengelakkan kekeliruan, versi **Polisi** Bahasa Inggeris akan mengatasi versi Bahasa Malaysia pada setiap masa.

## DEFINISI

**Kami** telah mendefinisikan perkataan dengan maksud yang tertentu. Perkataan di bawah bermaksud seperti berikut:

Tuntutan / tuntutan-tuntutan	Merujuk kepada sebarang pemintaan bagi pampasan (ganti rugi), sama ada terdapat apa-apa amaun yang telah ditetapkan untuk tuntutan.
Motosikal	merujuk kepada motosikal, skuter, motosikal lasak atau basikal kuad.
Ombudsman Perkhidmatan Kewangan	ia adalah sebuah badan bebas yang menawarkan saluran percuma dan cekap untuk membantu menyelesaikan pertikaian kewangan antara Anda dengan Kami di bawah Polisi ini sebagai alternatif kepada penyelesaian di mahkamah. Mereka boleh dihubungi di:
	Level 14, Main Block Menara Takaful Malaysia No 4, Jalan Sultan Sulaiman 50000 Kuala Lumpur Tel: +603-2272 2811 Fax: +603-2272 1577
Tempoh insurans	merujuk kepada satu tempoh daripada tarikh permulaan hingga tarikh luput <b>Polisi</b> ini.
Polisi	termasuk perkataan Jadual dan <b>Polisi</b> yang disenaraikan dalam Jadual
Alamat pos	ialah alamat yang dinyatakan di dalam Jadual.
Pemandu tetap	merujuk kepada seseorang yang dinyatakan dalam Jadual yang memandu kenderaan <b>Anda</b> paling kerap.
Jadual	ialah dokumen yang menyatakan nama dan alamat <b>Anda</b> , Tempoh Insurans, seksyen-seksyen Polisi ini yang berkuat kuasa, premium yang <b>Anda</b> telah bayar, Motosikal yang diinsuranskan.
Amaun Diinsuranskan	ialah amaun maksimum yang <b>Polisi</b> asas <b>Anda</b> sekiranya berlaku tuntutan.
Polisi asas	merujuk kepada <b>Polisi</b> motosikal sah yang berkuat kuasa dengan <b>Kami</b> .
<b>Kami</b>	merujuk kepada Pacific & Orient Insurance Co. Berhad.
<b>Anda</b>	merujuk kepada nama pemegang <b>Polisi</b> yang dinyatakan di dalam Jadual.
Kenderaan <b>Anda</b>	merujuk kepada motosikal yang dinyatakan di dalam Jadual. Ini termasuk alat-alat standard, aksesori dan alat-alat ganti di dalam atau di atasnya, serta aksesori tambahan lain dan bahagian-bahagian kenderaan persendirian ketika ianya dipasang.



